

# MPK sasar kutip RM10 juta tunggakan cukai

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menyasarkan kutipan cukai tunggakan RM10 juta daripada RM 19.2 juta dalam tempoh setengah tahun pertama tahun ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Fadzilla Salleh berkata, sepanjang Mac ini, RM1.6 juta tunggakan cukai taksiran dikutip dan beliau optimis sasaran itu dapat dicapai.

Menurutnya, enam zon khas di kawasan pentadbiran PBT itu yang diketuai Ahli Majlis MPK diwujudkan bermula 1 Mac lalu untuk merealisasikannya.

“Usaha berterusan dilakukan untuk memastikan pemegang harta yang sebelum ini culas untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran akan berbuat demikian,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media majlis



Muhammad Safian (tiga, kiri) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada kakitangan MPK, kelmarin.

*Sinar 2/4/17*

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 dan Pengkhidmat Setia 2017 MPK yang disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini kelmarin.

Seramai 100 kakitangan me-

nerima APC manakala 44 lagi diberikan Anugerah Pengkhidmat Setia.

Sementara itu, Muhammad Safian berkata, beliau akan mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya memberikan insentif 10 peratus daripada RM10 juta kepada MPK, jika mencapai sasaran.